

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 13/03/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional 03
Tajuk : Mahu Ruang Untuk Wanita, Belia Dalam Kepimpinan Angkasa

Mahu ruang untuk wanita, belia dalam kepimpinan Angkasa

KELANA JAYA - Perwakilan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) mahu lebih banyak ruang diberikan kepada koperator wanita dan

belia dalam kepimpinan badan koperasi memandangkan jumlah golongan itu adalah tertinggi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata,

pindaan Undang-Undang Kecil Angkasa bagi tujuan itu telah diluluskan sebelum ini dan kini menunggu kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

“Apabila pindaan itu diluluskan kelak, mereka akan diberikan lebih banyak ruang sekali gus membolehkan Angkasa melantik perwakilan berdasarkan

sektor-sektor tertentu.

“Buat masa ini, kami tidak boleh melantik mereka ekoran masih tertakluk kepada peraturan yang lama,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA